

**TEKS UCAPAN**  
**LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN KURSUS PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN**  
**KEBAKARAN PADA 15 FEBRUARI 2006 BERTEMPAT DI DEWAN SERBAGUNA,**  
**KOLEJ KEDIAMAN KUKUM, KG. WAI.**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Rektor Akademik dan Pengantarabangsaan,

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Rektor Penyelidikan dan Inovasi

Yang Berusaha Lt. Kol. (B) Azuddin Bin Bahari, Penyelaras Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, merangkap pengerusi Kursus Pencegahan dan Pengawalan.

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan serta para peserta kursus yang saya hormati sekalian.

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana memberi taufik dan hidayah kepada kita untuk bersama-sama pada hari yang berbahagia ini untuk menyempurnakan Majlis Perasmian Kursus Pencegahan dan Pengawalan Kebakaran. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian kerana sudi meluangkan masa untuk menghadiri kursus ini yang mana mampu memberi manfaat dan pengetahuan kepada kita semua.

Di kesempatan ini juga, saya Ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada ahli jawatankuasa di atas kesungguhan usaha dalam memastikan majlis kelancaran majlis kita pada petang ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Kursus Pencegahan dan Pengawalan Kebakaran yang dianjurkan oleh Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan KUKUM dengan Kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Perlis adalah merupakan satu lagi usaha KUKUM untuk memperteguhkan kredibiliti Pasukan Bertindak Kecemasan KUKUM (PBKK) dalam aspek kebakaran. Kursus ini merupakan siri pertama yang dianjurkan dan penyertaan daripada setiap jabatan amat menggalakan.

Saya berharap agar pada siri-siri yang akan datang, Kursus Pencegahan dan Pengawalan Kebakaran ini dapat disertai lebih ramai lagi peserta dari setiap jabatan supaya setiap warga kerja KUKUM sekurang-kurangnya mempunyai asas pengetahuan tentang mencegah dan mengawal kebakaran. Ianya penting kerana kampus KUKUM yang bersifat bertaburan. Kakitangan yang telah mendapat latihan seumpama ini yang akan menjadi ketua serta untuk mengendalikan situasi di jabatan masing-masing sekiranya berlaku sebarang perkara-perkara yang tidak diingini. Untuk pengetahuan para hadirin sekalian, kesemua peserta kursus yang hadir pada kali ini akan diserap secara langsung ke dalam Pasukan Bertindak Kecemasan KUKUM dan diharapkan pasukan ini akan menjadi pasukan bantuan terawal untuk menghadapi sebarang bencana yang berlaku.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Sebenarnya banyak cara untuk kita menimba ilmu, kerana ilmu adalah cahaya bagi hati nurani, menghidupkan jiwa dan pemacu semangat. Menuntut ilmu bukan bermakna perlu menduduki kuliah atau seminar akademik tetapi juga melalui kursus-kursus praktikal seperti ini. Sebenarnya kursus seumpama ini banyak menyumbangkan ilmu dan pengalaman yang tidak mungkin tuan-tuan dan puan-

puan perolehi semasa bertugas di jabatan masing-masing terutamanya yang berkaitan dengan keselamatan kita di tempat kerja.

Dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, Kementerian Sumber Manusia melalui jabatan dan agensi di bawahnya seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sentiasa memainkan peranan menerapkan nilai keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam semua aktiviti ekonomi dan pembangunan Negara dengan mewujudkan satu dasar khusus berkaitan KKP iaitu Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara.

Diperingkat KUKUM, saya juga menekankan bahawa amalan membudayakan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja perlu diterapkan pada setiap individu termasuk staf dan pelajar supaya kita dapat meminimalkan risiko berlakunya kejadian yang tidak diinginkan seperti kebakaran atau kemalangan yang mengakibatkan kemusnahan harta benda atau hilang upaya kekal atau sebagainya. Di dalam Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan KUKUM yang telah dibangunkan ada menyatakan bahawa di antara proses untuk meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan dikalangan staf dan pelajar adalah melalui latihan dan program yang berterusan dari semasa ke semasa. Berdasarkan garis panduan inilah maka kursus pencegahan dan pengawalan kebakaran diadakan pada minggu ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Seperti di dalam ucapan saya di majlis Ucapnama Tahunan Rektor yang lepas, saya telah menyatakan bahawa kita perlu menyediakan payung supaya suatu ketika kelak kita dapat mengelak diri daripada menjadi mangsa yang pada ketika itu tiada sesiapa pun terlintas untuk membantu kita. Justeru itu, sekurang-kurangnya dengan

melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti yang berbentuk sukarela seperti PBKK dan PBSMM secara tidak langsung kita dapat menimba ilmu dan pengalaman yang mungkin berguna pada masa akan datang bukan sahaja untuk diri kita, malah untuk KUKUM, negeri Perlis dan negara Malaysia yang tercinta.

Malahan, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ada menyatakan di dalam ucapannya semasa perhimpunan bulanan di Putrajaya bahawa sebuah pasukan bantuan bencana perlu ditubuhkan di setiap negeri, kementerian mahupun jabatan supaya kita lebih bersedia menghadapi sebarang bencana yang bakal berlaku tanpa kita duga.

Oleh itu, kita perlu memantapkan lagi organisasi Pasukan Bertindak Kecemasan KUKUM, dengan mengadakan perjumpaan setiap 2 minggu sekali untuk semua ahlinya. Saya memberi pelepasan kepada staf-staf PBKK ini untuk menghadiri perjumpaan ini untuk menggilap semula ilmu dan kemahiran yang telah dipelajari semasa menghadiri kursus. Adalah penting kepada semua ahli PBKK supaya mempraktikkan kembali ilmu dan kemahiran yang dipelajari agar semua ahli tidak kekok melakukan operasi bantuan dan menyelamatkan semasa keadaan memerlukan. Selain itu, PBKK ini juga akan diletakkan di bawah seliaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Perlis dan dengan ini, segala aktiviti PBKK akan dilatih secara profesional oleh Jurulatih dari Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengingatkan kepada semua ahli PBKK agar sentiasa ikhlas menimba ilmu dan menyumbangkan tenaga serta keringat agar pasukan ini menjadi sebuah pasukan yang boleh dibanggakan oleh KUKUM pada masa hadapan. Sebagai menghargai usaha dan titik keringat yang disumbangkan, saya akan berbincang dengan pihak UKKP dan memohon agar mereka dapat menyediakan

garis panduan yang terperinci untuk saya menyediakan insentif kepada ahli-ahli PBKK setimpal dengan hasil usaha mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Sebagai menutup ucapan saya pada hari ini, saya menyeru kepada semua dekan-dekan dan ketua-ketua jabatan supaya sentiasa berwaspada dan bertanggungjawab terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di jabatan masing-masing. Kepada para peserta kursus kali ini, saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan semua kembali ke jabatan masing-masing dengan semangat yang baru untuk memastikan aspek-aspek keselamatan dipatuhi di jabatan anda.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Perlis kerana telah bekerjasama menjayakan Kursus Pencegahan dan Pengawalan Kebakaran. Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada ketua-ketua jabatan dan dekan-dekan yang menghantar wakil untuk menghadiri kursus ini dan memberi pelepasan kepada staf yang terlibat.

Dengan ucapan Bismillah hirrahma nirrahim, saya dengan ini merasmikan Kursus Pencegahan dan Pengawalan Kebakaran Siri pertama.

Sekian Terima Kasih.